



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

38 PEMENANG NEA 2025 PERKUKUH ASPIRASI MALAYSIA KE ARAH TENAGA HIJAU

KUALA LUMPUR, 25 September 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang hadir bagi menyemarakkan **Majlis Anugerah Tenaga Kebangsaan (National Energy Awards) 2025** yang bertujuan mengiktiraf usaha dan pencapaian organisasi dalam menerajui pembangunan tenaga lestari, khususnya melalui penerapan **tenaga boleh baharu (TBB)** dan amalan kecekapan tenaga.

Bagi edisi 2025 ini, NEA telah menerima sebanyak **173 penyertaan**, dengan **38 organisasi dan industri diiktiraf sebagai pemenang** dalam empat (4) kategori utama iaitu:

1. **Pengurusan Tenaga (Energy Management)**
2. **Bangunan Cekap Tenaga (Energy Efficient Building)**
3. **Tenaga Boleh Baharu (Renewable Energy)**
4. **Anugerah Khas (Special Awards)**

Lapan (8) organisasi daripada pelbagai industri telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah *Green Stewardship* dalam kategori khas. Anugerah ini mengiktiraf komitmen mereka terhadap kelestarian dengan mengutamakan penggunaan tenaga hijau boleh diperbaharui. Kejayaan ini menonjolkan peranan penting mereka dalam mengurangkan pelepasan karbon serta menyokong peralihan negara ke arah tenaga yang lebih bersih dan mampan.

Daripada 38 pemenang NEA, 25 perserta akan mewakili Malaysia di Anugerah Tenaga ASEAN (AEA) 2025. Para pemenang NEA pada tahun ini akan membawa nama Malaysia ke pentas serantau melalui AEA yang akan dianjurkan bersempena dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (ASEAN Ministers of Energy Meeting AMEM) pada bulan Oktober 2025.

Secara keseluruhan, projek-projek tersebut berjaya menjimatkan penggunaan tenaga sebanyak 128.45 GWh setahun, menjimatkan kos operasi RM68.31 juta setahun serta mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 151,590 tan – bersamaan dengan penanaman tahunan lebih 31,000 pokok. PETRA menegaskan bahawa pencapaian ini mencerminkan iltizam Malaysia untuk menjadikan kelestarian tenaga sebagai misi bersama rakyat, di samping menyokong sasaran iklim global.

PETRA telah melaksanakan pelbagai langkah penting untuk mempercepatkan agenda peralihan tenaga Malaysia, antaranya:

- Pelaksanaan **tarif elektrik progresif** bermula Julai 2025 untuk menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih cekap.
- Pembangunan **projek solar berskala besar, solar terapung serta *Program Solar Accelerated Transition Program (Solar ATAP)*.**
- **Pemodenan grid pintar** dengan sistem penyimpanan tenaga berkapasiti 400MWj melalui pelaburan bernilai RM2.5 bilion.
- Peluasan kemudahan **bekalan elektrik hijau** melalui program GET, CRESS, CREAM dan mGATS dengan kos penyertaan dikurangkan sehingga 80%.
- Pelaksanaan **perdagangan elektrik hijau rentas sempadan** melalui platform ***Energy Exchange Malaysia (ENEGEM)***.
- **Pindaan Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)** untuk menyokong perdagangan tenaga merentas sempadan serta pengiktirafan atribut hijau.

Sebagai **Pengerusi ASEAN 2025**, Malaysia menerajui agenda tenaga serantau dengan memberi penekanan kepada pembangunan **ASEAN Power Grid (APG)**, yang bukan sahaja menjamin bekalan tenaga berdaya tahan, malah penting dalam mengatasi cabaran perubahan iklim.

Segala inisiatif ini akan diperkuuh melalui pelaksanaan **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) 2026–2030**, yang akan memberi fokus kepada pembangunan grid pintar, sistem penyimpanan tenaga, peluasan penjanaan TBB daripada solar, hidro dan teknologi hijau lain, program solar berkelompok, serta penerokaan tenaga nuklear melalui kerangka **Organisasi Pelaksana Program Tenaga Nuklear (NEPIO)**.

PETRA menyeru lebih banyak organisasi dan industri di Malaysia untuk menyahut agenda peralihan tenaga kerajaan. PETRA menegaskan bahawa NEA 2025 membuktikan keupayaan negara dalam menghasilkan penyelesaian inovatif, bersaing di peringkat antarabangsa, serta memacu kecekapan tenaga.

Maklumat lanjut mengenai NEA 2025 boleh dilayari di laman sesawang <https://www.nationalenergyawards.com.my>.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 25 SEPTEMBER 2025